

# KAMPUCHEA: GHAZALI CARI SOKONG

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafei malam ini berlepas ke Vienna untuk menghadiri kongress lima hari negara Eropah Barat dan Asia mulai lusa.

Beliau serta rakan sejawatnya dari Negeri Thai, Ketua Udara Siddhi Savetsila dan dua orang wakil Filipina akan menghadiri kongres itu sebagai wakil ASEAN.

Selain dari menghadiri kongres itu, beliau juga akan menemui Menteri Luar Austria yang juga Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK), Encik William Parr bagi memberitahunya perkembangan terbaru isu Kampuchea.

Beliau mensifatkan pertemuannya dengan Encik Parr dan rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara Eropah Barat yang lain sebagai penting dalam usaha 'mencari sokongan' kepada kerajaan campuran Demokratik Kampuchea untuk 'mengusir'

Vietnam dari negara itu selaras dengan ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu.

Penubuhan kerajaan campuran itu baru sahaja diisytiharkan di sini kelmarin dan akan ditubuhkan apabila ketiga-tiga pemimpin puak yang anti-Vietnam itu kembali ke Kampuchea tidak lama lagi.

Encik Khieu Samphan (Khmer Rouge) dan Encik Son Sann (Barisan Kebangsaan Pembebasan Rakyat Kampuchea) telah pun pulang ke negara mereka 'untuk mencari tempat dan menentukan masa yang sesuai' bagi menubuhkan kerajaan campuran seperti yang diisytiharkan di sini.

Tan Sri Ghazali memberitahu, ketua kerajaan campuran itu, Putera Norodom Sihanouk masih lagi berada di sini dan akan pulang ke tanah airnya apabila segala persiapan untuk penubuhan kerajaan campurannya selesai diadakan.

Menteri Luar itu juga mensifatkan perisytiharan penubuhan kerajaan campuran De-

mokratik Kampuchea sebagai 'amat penting' terhadap kestabilan dan keselamatan rantau ini.

Beliau juga menekankan, walaupun di peringkat ini ramai yang menyangsikan akan keikhlasan Khmer Rouge kerana ia merupakan golongan terkuat, di satu masa nanti ketidakseimbangan itu akan dapat diatasi.

"Apabila masyarakat antarabangsa mula menghulurkan bantuannya terutama kepada puak Maulinaka dan KPRLF,imbangan kekuatan di antara ketiga-tiga puak itu tentu akan dapat diwujudkan dan dengan kesatuan sedemikian, tentunya mereka akan berupaya menentang regim Heng Samrin yang disokong Vietnam," jelasnya.

Menteri Luar itu sekali lagi berkata, perjanjian yang ditandatangani pada 22 Jun lalu itu telah menghasilkan legaliti bagi membolehkan masyarakat antarabangsa menghulurkan bantuan, mahupun di bidang ketenteraan.

Malaysia telahpun berjanji akan memberikan sokongan penuh kepada perjuangan rakyat Kampuchea yang didokong oleh kerajaan campuran itu (bukan ketenteraan).

Sementara itu, laporan dari Bangkok hari ini menyatakan kesediaan kerajaan Thai membantu kerajaan campuran tiga pasukan penentang Khmer itu di bidang ketenteraan.

Perdana Menterinya, Encik Prem Tinsulanonda memberitahu, kerajaannya sedia bertindak secara positif terhadap sebarang permintaan dari kerajaan campuran itu bagi mendapatkan bantuan, termasuk bantuan ketenteraan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, ASEAN perlu bertemu dan bersetuju terlebih dahulu dengan permintaan itu.

Persetujuan kerajaan Thai itu dapat difahami kerana kemantapan kekuatan kerajaan campuran itu menentang regim yang disokong Vietnam itu secara langsung akan menjamin keselamatannya.